

23 JUN 1996
Samy-Sekolah

SAMY VELLU KECEWA DENGAN PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH TAMIL

SEREMBAN, 23 Jun (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini menyifatkan peruntukan sebanyak RM11 juta untuk sekolah-sekolah Tamil oleh Kementerian Pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) sebagai tidak mencukupi dan tidak boleh diterima.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau kecewa dengan jumlah itu yang tidak mencerminkan bilangan pelajar di sekolah-sekolah Tamil yang membentuk empat peratus daripada jumlah pelajar di negara ini.

"Dengan empat peratus daripada jumlah pelajar negara belajar di sekolah Tamil, Kementerian Pendidikan seharusnya memperuntukkan sekurang-kurangnya RM52 juta dan bukannya RM11 juta," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis keagamaan di Kuil Sri Maha Mariamman di Jalan Labu di sini hari ini.

Beliau berkata sejumlah RM1,300 juta diperuntukkan di bawah RM-7 untuk Kementerian Pendidikan dan adalah adil empat peratus daripada jumlah itu diperuntukkan kepada sekolah-sekolah Tamil.

Khamis lepas, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus berkata RM11 juta telah diperuntukkan di bawah RM-7 untuk menaikkan taraf sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

Samy Vellu berkata beliau akan membangkitkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Peruntukan yang lebih besar diperlukan jika keadaan pembelajaran di sekolah-sekolah Tamil hendak ditingkatkan," kata beliau.

Menurutnya beliau juga telah mengarahkan Ketua Biro Pendidikan MIC Datuk Dr T.Marimuthu supaya menyediakan satu kertas kerja mengenai kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil dan cara-cara untuk mengatasinya.

Beliau turut menyokong pendapat Najib bahawa kelemahan kepimpinan di kalangan guru besar sekolah-sekolah Tamil adalah punca utama yang menghalang kemajuan sekolah berkenaan.

"Mereka harus mengakui hakikat itu kerana dengan perubahan yang sedang melanda negara ini, mereka mesti berusaha mempertingkatkan kemahiran," katanya. -- BERNAMA.

RAB MZ RON